

Mangsa banjir di Kelantan, Terengganu, Perak meningkat

25/12/2014 10:40pm

KUALA LUMPUR - Keadaan banjir di Kelantan, Terengganu dan Perak semakin meruncing setakat malam ini dengan 69,549 orang ditempatkan di pusat-pusat pemindahan banjir, berbanding 68,117 orang pada sebelah petang.

Di Kelantan, jumlah mangsa banjir di sembilan jajahan meningkat sedikit pada malam ini apabila 34,955 orang dipindahkan, berbanding 34,491 orang pada petang tadi.

Menurut portal banjir kerajaan negeri, ia membabitkan sembilan jajahan iaitu Gua Musang, Jeli, Kota Bharu, Kuala Krai, Machang, Pasir Mas, Pasir Puteh, Tanah Merah, Tumpat dan Kota Bharu.

Paras air beberapa batang sungai utama terus naik dengan Sungai Kelantan di Tangga Krai kini 34.11 meter melepasi bahaya 25m, Jambatan Guillemard 22.63m (bahaya 16m) dan di Tambatan Diraja 6.88m (bahaya 5m).

Paras air di Sungai Golok di Rantau Panjang adalah 10.41m melepasi bahaya 9m.

Sementara itu, di Terengganu, mangsa terjejas banjir meningkat semula kepada 29,082 orang atau 7,172 keluarga malam ini, berbanding 28,541 petang tadi.

Dalam pada itu, jumlah mangsa yang dipindahkan di ketiga-ketiga daerah iaitu Hulu Perak, Kuala Kangsar dan Perak Tengah yang terjejas akibat banjir setakat malam ini meningkat kepada 5,512 orang melibatkan 1,382 keluarga.

- Bernama

Artikel

Penuh: http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=1225&pub=Kosmo&sec=Terkini&pg=bt_38.htm#ixzz3MxoM3mAL

Hakcipta terpelihara